

# **BELIA VS MAHASISWA: PENGARUH SOSIALISASI POLITIK**

*(YOUTH VS UNIVERSITY STUDENTS: THE INFLUENCES OF POLITICAL  
SOCIALIZATION)*

Nor Anita Abdullah  
Pusat Pengajian Undang-Undang,  
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah,  
noranita@uum.edu.my

## **Abstrak**

Perubahan politik negara dipengaruhi oleh peranan para mahasiswa yang menyumbang kepada kestabilan dan kepelbagaian lanskap politik masa kini. Maka, sosialisasi politik merupakan satu proses pembudayaan yang sangat penting di kalangan mahasiswa universiti. Penerapan dan nilai murni dari segi kepimpinan, kejujuran, kebertanggungjawaban dan saling menghormati perlu disemai dari peringkat awal lagi. Sekiranya kesemua penerapan nilai murni tersebut telah diwujudkan dari peringkat awal, maka penglibatan dan penyertaan mereka dalam bidang politik akan berperanan untuk menentukan budaya politik negara pada masa akan datang. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti kedudukan di antara belia dan juga mahasiswa dalam mengetahui status umur mereka serta penglibatan dan pengaruh sosialisasi politik dari kalangan mereka. Di samping itu, kupasan juga akan dilihat dari perspektif pengaruh sosialisasi politik dari kalangan belia mahasiswa yang menjadi penyebab atau agen sosialisasi politik dikalangan mereka. Bagi mencapai objektif artikel ini, penulis menggunakan kaedah penyelidikan secara kepustakaan dengan mengenalpasti sorotan karya mengenai isu belia mahasiswa dan pengaruh sosialisasi politik dari kalangan mereka.

**Kata Kunci:** *Sosialisasi politik; umur; belia & mahasiswa*

## *Abstract*

State political change is influenced by the role of students contributing to the stability and diversity of current political landscape. Thus, the political socialization is a very important cultural process among university students. Purely applying and values in terms of leadership, honesty, accountability and mutual respect need to be sown from an early stage. If all values have been established from the early stage, their political involvement and participation will act as a role in determining the country's political culture in the future. This article aims to identify the youth status as well as students in knowing their age status as well as their participation and influence of political socialization amongst them. In addition, the criticism will also be seen from the perspective of the influence of political socialization among youth students as a cause or as agent's political socialization among them. In

order to achieve the objectives of this article, the author applies a library research method by identifying the literatures of the student youth issue and the influence of political socialization amongst them.

**Keywords:** *Political socialization; age; youth & university students*

2017 JHLCB

---

## 1.0 Pengenalan

Senario politik negara semakin berubah. Faktor ini turut dipengaruhi oleh perubahan arus pemikiran politik yang melibatkan sosialisasi politik negara. Kebelakangan ini, isu politik yang melibatkan para mahasiswa mencetuskan fenomena yang boleh dikatakan agak membimbangkan. Penangkapan beberapa orang mahasiswa yang terlibat dalam parti politik tertentu yang dengan mengadakan protes, mogok, tunjuk perasaan dan sebagainya telah mencetus publisiti yang meluas dikalangan masyarakat Malaysia.

Penilaian dan tahap pemikiran yang dipengaruhi oleh perkembangan global serta pembudayaan manusia sememangnya berbeza jika dibandingkan dengan zaman dahulu. Sekiranya dahulu, penglibatan seseorang di dalam bidang politik adalah demi memperjuangkan hal atau isu negara yang sangat kompleks dan rumit (Laman Web IKIM). Kini, perjuangannya semakin berbeza jika dibandingkan dengan sebelum ini. Umumnya, tanggungjawab itu haruslah disandarkan kepada mereka yang benar-benar layak untuk menceburkan diri dalam bidang politik dan semestinya para mahasiswa bukanlah orang yang sesuai untuk menggalas tanggungjawab tersebut. Isu negara sangat berat dan kompleks, maka seharusnya para mahasiswa tidak perlu dibebankan dengan bebanan yang belum sampai masanya bagi mereka untuk melaksanakannya. Oleh itu, senario atau budaya politik yang berlangsung di dalam kampus yang menyamai senario berpolitik di luar kampus sepatutnya tidak timbul.

## 2.0 Belia vs Mahasiswa

### 2.1 Definisi Belia

Seksyen 2 Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 mentafsirkan belia sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 dan tidak lebih daripada 40 tahun. Walaupun terdapat hujahan yang berpandangan bahawa umur belia yang ditafsirkan dalam Akta tersebut tidak bersesuaian lagi untuk diaplikasikan pada masa kini, namun ketetapan umur tersebut telah dinyatakan secara jelas di dalam peruntukan Akta tersebut. Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) juga mentakrifkan belia sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, menurut Marshelayanti, et al (1985), terdapat beberapa definisi lain yang diberikan terhadap belia yang berbeza dari segi umur. Contohnya definisi yang didapati dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan umur belia sebagai golongan yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun. Menurut mereka lagi, hanya golongan belia yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun sahaja yang

terlibat dengan beberapa aktiviti dan program yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan berkaitan dengan pembangunan belia.

Manakala Tuan Pah Rokiah, et al (2016) pula, belia dikategorikan sebagai mereka yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun. Lingkungan umur ini diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia 2010, kumpulan umur belia yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun merupakan kumpulan belia remaja yang terbesar di Malaysia (Mohd. Mahadee et al, 2016). Populasi terbesar negara juga terdiri daripada kelompok belia dengan jumlah 18 juta orang (Abdul Razak Ahmad, et al, 2015). Menurut Mohd Mahadee et al lagi, kumpulan umur ini merupakan prospek terbesar negara yang perlu diberi perhatian. Prospek umur ini memerlukan kepada proses sosialisasi bagi membentuk jati diri dan sakshiah sebagai pemangkin masa depan negara.

## 2.2 *Definisi Mahasiswa*

Menurut Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) (AUKU), mahasiswa yang juga pelajar ditakrifkan sebagai “pelajar” yang membawa erti ‘seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah. Memandangkan tempat pengajian pelajar mahasiswa di universiti atau di kolej universiti, AUKU sekali lagi mendefinisikan ‘Universiti’ atau ‘Kolej Universiti’ masing-masing ertinya suatu institusi pelajaran tinggi bertaraf Universiti atau Kolej Universiti.

Manakala definisi ‘kampus’ pula sebagai ertinya— (a) Kampus atau Kampus Cawangan Universiti atau Kolej Universiti itu; (b) Kampus sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1); dan (c) kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya, oleh Universiti atau Kolej Universiti itu.

Menurut Philip G. Altbach (1966) kebiasaannya seseorang hanya bergelar pelajar di universiti dalam tempoh yang tidak lama iaitu selama tiga atau empat tahun bergantung kepada jurusan dan pengajian yang diambil sepanjang tempoh pengajiannya di universiti tersebut. Pelajar berpeluang sepanjang tempoh bergelar pelajar untuk terlibat dalam mana-mana aktiviti seperti aktiviti berpersatuan dan melibatkan diri dengan komuniti dan sebagainya. Tempoh selama tiga atau empat tahun boleh dianggap sebagai satu tempoh yang tidak panjang untuk pelajar terlibat dalam aktiviti lain selaian daripada fokus kepada pelajaran dan peperiksaan yang merupakan matlamat utama pelajar di universiti. Walau bagaimanapun, pelajar masih berpeluang untuk terlibat dengan mana-mana aktiviti sepanjang tempoh yang tidak panjang tersebut sekiranya pelajar diberi kebebasan untuk melibatkan diri dengan aktiviti berpersatuan dan komuniti.

### 3.0 Sosialisasi Politik

Menurut David F. Aberle, dalam “Culture and Socialization” sosialisasi politik ditakrifkan sebagai ‘pola-pola mengenai aksi sosial, atau aspek-aspek tingkah laku, yang menanamkan pada individu-individu keterampilan-keterampilan (termasuk ilmu pengetahuan), motif-motif dan sikap-sikap yang perlu untuk menampilkan peranan-peranan yang sekarang atau yang tengah diantisipasi (dan yang terus berlanjut) sepanjang kehidupan manusia normal, sejauh peranan-peranan baru masih perlu dipelajari’. Di samping itu, Gabriel A. Almond (1963) pula mengatakan bahawa sosialisasi politik ialah proses dimana sikap-sikap politik dan pola-pola tingkah laku politik diperoleh atau dibentuk, dan juga merupakan saranan bagi suatu generasi untuk menyampaikan unsur-unsur politik dan keyakinan politik kepada generasi berikutnya iaitu dari kalangan orang muda iaitu belia. Situasi begini di anggap sebagai satu anjakan dalam proses pembentukan sikap dan orientasi politik mengenai fenomena politik yang sedang di alami dalam sesebuah negara (Endang, 2016). Persepsi ini turut disokong oleh Sihabudin Zuhri (2010) dalam tesis sarjananya dalam bidang Ilmu Politik yang bertajuk ‘Peranan Sekolah Dalam Proses Sosialisasi Politik: Studi Penelitian terhadap Siswa SMA Negeri 2 Semarang’. Beliau menerangkan bahawa sepanjang kehidupan manusia ini, secara langsungnya pengalaman yang diperoleh sepanjang kehidupan bermula dari kecil lagi menjadi faktor yang mempengaruhi sikap yang bakal membentuk persepsi politik seseorang individu.

Manakala Mohd Mahadee et al (2016) pula berpandangan bahawa sosialisasi politik merupakan suatu proses pembelajaran yang berlaku dikalangan belia dimana belia mempelajari setiap apa yang berlaku dalam kehidupan mereka sebagai satu pengalaman. Pada masa yang sama, belia juga akan mempelajari budaya dalam masyarakatnya di mana secara tidak langsung, belia mendapat pengetahuan bukan sahaja dari aspek budaya tetapi juga adat resam, nilai dan tingkah laku, objek material serta artifak sesebuah kumpulan termasuklah yang berkaitan dengan hal ahwal politik yang seiring dengan perjalanan hidup belia itu sendiri yang bakal dilalui sebagai pengalaman (Judith Moeller & Claes de Vreese, 2013 dan Gerald J. Bender, 1967). Proses ini merupakan pembelajaran yang dilalui dalam kehidupan seseorang di mana seseorang itu diperkenalkan dengan sistem politik. Pembelajaran yang dilalui ini menjadi pengalaman seseorang untuk menilai tanggapan dan persepsi masing-masing terhadap isu-isu politik yang berlaku.

#### 3.1 Pengaruh sosialisasi politik dikalangan mahasiswa

Terdapat beberapa faktor atau agen yang boleh dikatakan agak dominan dalam menentukan arus pembudayaan sosialisasi politik iaitu faktor keluarga, masyarakat, pendidikan dan juga media massa. Namun, menurut Worrn, Shireen, Mat Zin dan Abdul Kadir (2008), faktor-faktor yang dinyatakan ini mungkin melalui beberapa perubahan terutamanya apabila ia melibatkan proses pembelajaran dan tahap pendidikan seseorang. Dalam alam pendidikan, sistem pengajaran dan pembelajaran boleh dilihat melalui silibus dan isi kandungannya yang menjadi teras. Manakala tahap pendidikan pula dilihat sebagai sejauh mana tahap pendidikan seseorang itu berupaya mempengaruhi keterlibatan belia mahasiswa dalam sosialisasi politik (Mohd. Fauzi Fadzil, 2015). Menurut satu kajian tesis yang bertajuk ‘Peranan Sekolah dalam Proses Sosialisasi Politik: Studi Penelitian Terhadap Siswa Negeri 2 Semarang’, proses sosialisasi politik memberi gambaran bahawa bagaimana seseorang diperkenalkan dengan sistem politik yang wujud di dunia ini serta tanggapan mereka terhadap sistem tersebut. Proses sebegini bermula diperingkat awal belia iaitu semasa zaman kanak-kanak lagi.

Sepanjang tempoh menjalani kehidupan sehingga ke peringkat dewasa, kanak-kanak diperkenalkan dengan nilai dan sikap yang diamal dan dipraktis oleh masyarakat sekitar yang sekaligus mempengaruhi pemahaman mereka terhadap sistem politik.

Pengaruh ibu bapa terhadap isu politik kepada anak-anak dalam sebuah keluarga sangat kuat di mana mana-mana pegangan atau pandangan ibu bapa terhadap isu politik juga menjadi pilihan dan pandangan anak-anak juga (Sydney Verba et al, 2003 dan Sihabuddin Zuhri, 2010). Namun, Ellen Quintelier et al (2007) tidak menafikan terdapat juga faktor atau agen lain yang turut sama mempengaruhi kanak-kanak seperti pendidikan di sekolah, rakan sebaya, pengaruh sosial luar dan media massa (Judith Moeller & Claes de Vreese, 2013, Nam Jin Lee et al, 2012, Ron Warren & Robert H. Wicks, 2011, Vesa Koskimaa & Lauri Rapeli, 2015, Mohd Fauzi, 2015 ) selain daripada ibu bapa. Masa yang dihabiskan oleh belia dari zaman kanak-kanak sehingga mencapai satu tahap umur dewasa selain di rumah ialah di sekolah bersama-sama dengan rakan sebaya dan guru-guru. Peringkat tersebut merupakan transisi seseorang melalui zaman peralihan alam kanak-kanak memasuki alam dewasa (Constance Flanagan & Peter Levine, 2010, Erik Amma et al, 2009)

Menurut Skor Indeks Belia Malaysia 2015 yang diukur mengikut domain sosialisasi politik, belia lebih selesa untuk berkomunikasi dan berbincang mengenai isu politik dengan rakan sebaya, ahli keluarga, rakan siber, guru atau pensyarah jika dibandingkan dengan penglibatan secara langsung dalam bidang politik (Indeks Belia Malaysia, 2015).

Berdasarkan satu laporan kajian yang dijalankan dengan kerjasama Institut Pembangunan dan Penyelidikan Belia (IYRES) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), pengaruh fahaman politik juga mendorong ke arah sosialisasi politik di kalangan belia banyak dipengaruhi oleh media sosial (Zakariah Md. Sam, et al, 2011) di mana para pengundi belia mengetahui banyak isu-isu semasa berkenaan dengan politik daripada media massa (Zakariah Md. Sam, et al, 2011). Menurut Kathryn Montgomery (2004) dan Cliff Zukin (2006) media merupakan salah satu agen utama selain daripada pengaruh ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya (Steven H. Chaffee et al, 1970, William Eveland, et al, 1998) yang menjadi penyebab kepada kecenderungan belia berpolitik kerana media menjadi saluran yang paling dekat dan senang dicapai oleh belia pada bila-bila masa dan di mana-mana. Media massa seperti internet sudah menjadi saluran utama informasi jika dibandingkan dengan media arus perdana biasa yang lain seperti berita, akhbar dan artikel akademik. Menurut Noor Azma (2014), saluran sosial yang semakin memuncak dan mendapat rating tertinggi di kalangan belia seperti *facebook*, *twitter* dan sebagainya sudah menjadi santapan harian para belia terutamanya mahasiswa. Kecenderungan mereka mendapat informasi terkini sudah berada di hujung jari sahaja. Segala sebaran berita, isu semasa berkaitan fenomena politik, pertikaian, perlingkahan dan sebagainya boleh di dapati dengan sangat mudah. Kebenaran dan keyakinan terhadap fakta yang di dapati di anggap sebaagai satu keraguan yang tidak perlu di risaukan.

#### **4.0 Analisa Pengaruh Sosialisasi Belia dalam Politik**

Dalam konteks penglibatan belia dalam bidang politik, persoalan mengenai keterlibatan mereka adakah secara jujur untuk membantu, membangunkan dan menjaga kepentingan negara atau untuk kepentingan individu semata-mata. Dalam sosialisasi politik, ia merupakan satu cara di mana masyarakat akan menyalurkan budaya politik yang diterima dari satu pihak ke satu pihak yang lain, dari satu generasi ke satu generasi yang lain dan dari satu individu ke individu yang lain. Persoalannya, adakan belia sanggup untuk bertindak dan mengorbankan

diri mereka demi negara. Sosialisasi politik merupakan satu proses yang berterusan di mana ia bermula dari peringkat umur remaja sehingga ke dewasa. Dalam tempoh seseorang itu bergelar sebagai mahasiswa, mereka berpotensi dan berpeluang untuk menerima pelbagai proses serta pencerapan yang mampu membudayakan corak pemikiran serta kecenderungan mereka terhadap bidang politik semasa di peringkat universiti. Secara asasnya, proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui sepanjang kehidupan yang dilalui dari zaman kanak-kanak sehingga mereka bergelar sebagai mahasiswa semasa di universiti menjadi pengaruh dan memberi kesan terhadap pemikiran mereka dalam bidang politik.

Jika dilihat dari perspektif umur, Ezaruddin Abd. Rahman (Utusan Malaysia, 2016) menyatakan pandangan beliau terhadap kategori umur belia yang ketika ini heboh diperkatakan dan dibincangkan memandangkan terdapat pelbagai versi kategori atau definisi umur belia. Terdapat cadangan supaya umur belia diturunkan dari 40 tahun kepada 30 tahun sebagaimana yang dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) supaya dapat disesuaikan dengan tahap umur yang diberikan oleh PBB. Namun demikian, ada pandangan yang tidak menyokong umur belia diturunkan dari 40 ke 30 tahun di atas justifikasi peringkat umur 30 ke atas belia memberi banyak sumbangan dan saranan dalam mendokong pemerintahan negara menjadi lebih baik. Apatah lagi umur sebegini amat sesuai selari dengan karektor mereka yang lebih terserlah dalam memperjuangkan hak dan isu semasa masyarakat. Selain dari faktor umur, terdapat juga kriteria lain yang menjelaskan mengenai belia itu sendiri iaitu kelakuan, sikap, semangat, perasaan, psikologi dan taraf ekonomi. Walaubagaimana pun, menurut Che Mohd Aziz, et al (2015), kriteria umur adalah paling popular dan sangar mudah untuk memberi ruang lingkup definisi dan penjelasan terhadap belia kerana umur juga mempengaruhi perkembangan hayat hidup seseorang. Kriteria umur dapat membezakan beberapa kategori lain selain belia iaitu peringkat kanak-kanak, orang muda, orang tua dan dewasa. Menurut Redzuwan, et al (1976), orang muda atau belia ini bertindak menjadi kelompok perantaraan yang membezakan kumpulan umur kanak-kanak dengan kumpulan umur dewasa.

Jika dilihat dari aspek umur dalam membezakan di antara belia dan mahasiswa, seperti dibincangkan di atas, kategori lingkungan umur belia dan mahasiswa tidak berbeza. Walaupun berdasarkan definisi umur belia, kebanyakannya mengatakan umur belia bermula dari 15 hingga 24, 15 hingga 30 atau 15 hingga 40, lingkungan umur mahasiswa juga berada dalam lingkungan umur yang tidak jauh berbeza. Oleh itu, belia juga boleh bergelar mahasiswa manakala mahasiswa juga terdiri dari kalangan belia. Kehidupan semasa bergelar sebagai mahasiswa di kampus university berupaya mengubah corak sosialisasi politik belia dan ia berbeza dengan pengaruh belia yang tidak bergelar mahasiswa.

## **5.0 Kesimpulan**

Di peringkat pengajian di universiti, mahasiswa akan terdedah kepada pelbagai perkara, isu, idea dan pemikiran dari pelbagai sudut dan pihak sama ada di dalam universiti atau di luar universiti. Di universiti jugalah belia yang juga mahasiswa menjadi tempat latihan mereka sebagai persediaan menghadapi masyarakat nanti. Di peringkat umur belia sebagai mahasiswa, mereka akan lebih terdedah kepada corak pemikiran yang berbeza. Hasilnya, corak pemikiran yang pelbagai itu akan mempengaruhi mereka untuk membuat pilihan. Namun, pilihan tersebut juga pasti berbeza di antara mahasiswa itu sendiri.

## Rujukan

1. Aberle, D. (1961). *Culture and Socialization: The Dorsey Press*.
2. Ahmad, A.R., Awang, M.M. & Ahmad, J. (2015). 'Aspirasi Kepimpinan Politik Negara dari Perspektif Belia Negara Pelbagai Etnik', Institut Penyelidikan Belia Malaysia (IYRES) dengan Kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015, hlm 13.
3. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) (1 Ogos 2012)
4. Amma, E., Ekstrom, M., Kerr, M. & Stattin, H. (2009). Political socialization and human agency: the development of civic engagement from adolescence to adulthood.
5. Bender, J. B. (1967). Political socialization and political change, *The Western Political Quarterly*, Vol. 20 No. 2 Part 1, Jun 1967 (390-467).
6. Chaffee, S. H., L. Scott Ward & Leonard P. Tipton (1970), 'Mass Communication and Political Socialization', *Journalism Quarterly*, Winter, devoted to research of Journalism and Mass Communication, hlm 647.
7. Endang (2016). Sosialisasi Politik Partai Keadilan Sejahtera di Kecamatan Pontianak Timur Pada Pemilihan Umum Legislatif Tahun 2014. *Aspirasi, Jurnal S-1 Ilmu Politik*. Vol. 5 No. 3. Edisi September 2016.
8. Ezaruddin Abdul Rahman, Belia 40 tahun masih relevan. *Utusan Malaysia*. 26 Mei 2016, <http://www.utusan.com.my/rencana/belia-40-tahun-8232-masih-relevan-1.334623>
9. Fadzil, M. F. (2015). Kesedaran Politik Mahasiswa: Dalam Pilihan Raya Kampus di Universiti Putra Malaysia', *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol. 12 ISSN 2180-1649 Jun 2015 (109-122, hlm 110).
10. Flanagan, C & Levine, P. (2010). Civic Engagement and the Transition to Adulthood. *Future Children Organization*. Vol. 20. No. 1, Spring 2010.(159-171).
11. Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15): Mengukur Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia dan Sukan (IYRES), 2015.
12. Ismail, M. M, Mohd Noor, M. & Othman, Z. (2016). Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Wadah Baru Sisialisasi Politik. *Research Journal of Sicial Sciences*. 9[3]: 28-36
13. Koskimaa, V. & Rapeli, L. (2015). Political Socialization and Political Interest: The Role of School Reassessed. *Journal of Political Science Education* Vol. 11. Iss. 2. 2015
14. Lee, N. J. Dhavan, V. Shah & Jack M. McLeod (2012), 'Processes of Political Socialization: A Communication Mediation Approach to Youth Civic Engagement, *Communication Research*, 40(5) 669-697, hlm 671.
15. Md Sam, Z., Abd Aziz, Z. F., Othman, M. N., Badaruddin, S., Abd. Aziz, S. A. & Che Soh, M. (2011). Kajian Sosialisasi Politik: Pola dan Trend Politik dan Analisa Keperluan Belia di Kawasan DUN (N5) Tenang, Johor, Institut Penyelidikan Belia Malaysia (IYRES) dengan Kerjasama Universiti Teknologi Mara.
16. Moeller, J. & de Vreese, C. (2013). The differential role of the media as an agent of political socialization in europe. *European Journal of Communication*. 28(3) 309-325.
17. Mohamad Razali, M., Boyman, S. N., Hussin, N. I., & Wan Mohd Nor, W. A. (1985). penglibatan politik belia: satu analisis penyertaan konvensional di Malaysia. *Jurnal Perspektif*, Jil 8, Bil 2 (70-78).
18. Montgomery, K., Robbles, B. G. & Gary O. L. (2004). outh as Citozen: engaging the Digital Generation', Center for Social Media School of Communication, American University.
19. Philip G. Altbach (1966), 'Students and Politics', *Comparative Ducation Review*, Vol. 10, No. 2, Special Issue on Student Politics, (Jun 1966) (175-187), hlm 176.

20. Quintelier, E., Hooghe, M. & Badescu, G. (2007). Parental Influence on Adolescents' Political Participation: A Comparison of Belgian, Canadian and Romanian Survey Data', *Kertas kerja dibentangkan di Internatioanl Conference on Political Socialisation*. Orebro Universitet. Sweden pada 8-9 Oktober 2007.
21. Syed Hussain, T. P. R., Nasarah, S. A., & Othman, Z. (2016). Pembinaan Bangsa Malaysia (1): Kajian empirical Tahap Patriotisme Belia, *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space*. 12 Issue 10 (159-170).
22. Verba, S., Burns, N., Schlozman, K. L. (2003). Unequal at the starting line: Creating participatory inequalities across generations and among groups. *The American Sociologist*, March 2003. Volume 34. Issue 1, pp 45–69 doi:10.1007/s12108-003-1005-y
23. Warren, R. & Robert H. Wicks (2011), 'Political Socialization: Modeling Teen Political and Civiv Engagement', *Journalism and Mass Communication Quarterly*: Spring 2011: 88, (156-161), hlm 157.
24. William P. E., McLeod, Jr., J. M., & Horowitz, E. M. (1998). *Communication and age in childhood political socialization: An interactive model of political development*. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 75(4), 699-718.
25. Yaacob, C.M.A., M. Sani, M.A., Mat, B., Ahmad, F, Omar, R. dan Yusoff, K.Z. (2015). Pengaruh The Islamic State of Irqa and Syria (ISIS): Kajian Potensi Penerimaan dan Penolakan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Institut Penyelidikan Belia Malaysia (IYRES) dengan Kerjasama Universiti Utara Malaysia, 2015, hlm 14.
26. Zuhri, Z. (2010). Peranan Sekolah dalam Proses Sosialisasi Politik: Studi Penelitian Terhadap Siswa Negeri 2 Semarang' Tesis peringkat Ijazah Sarjana, Universitas Diponegoro.
27. Zukin, C. (2006). *A new engagement? Political Participation, Civic Life and the Changing American Citizen*. Oxford: Oxford University Press.